

REMBAU - Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja (KVDLM) berjaya menarik penyertaan 50 pasukan dari seluruh Semenanjung Malaysia sempena Kejohanan Ragbi Rembau Super Sevens pada 20 - 21 Januari 2018.

KVDLM mengambil inisiatif mengimbau kembali nostalgia daerah ini dalam ragbi dan berhasrat melahirkan pemain ragbi handalan yang mampu diketengahkan ke peringkat lebih tinggi dari kolej ini.

Kejohanan sebegini akan dapat mendedahkan kepada pelajar serta komuniti setempat terhadap sukan ini

Dalam kejohanan kali ini KVDLM berjaya menarik penyertaan 50 pasukan bagi berentap dalam tiga kategori yang dipertandingkan iaitu bawah 17 tahun, bawah 19 tahun dan bawah 21 tahun.

Kejohanan ini telah mendaat kerjasama kerajaan Negeri Sembilan, Kesatuan Ragbi Negeri Sembilan, Majlis Sukan Negeri Sembilan dan lain-lain tajaan bagi menguji tahap kesediaan pasukan untuk Sukan Malaysia 2018.

Turut hadir, Wakil Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) KPM, En Rahman bin Makbul, Pegawai Pelajaran Daerah Rembau, En Azmi bin Basir; Yang Dipertua PIBG, Datuk Hanapi bin Daing Dalisang dan Wakil Kesatuan Ragbi Negeri Sembilan, En Shahrulizam bin Aziz.

Dalam Kejohanan ini pasukan KVDLM telah berjaya mendapat tempat pertama bagi kategori Folk bawah 19 tahun.

Sempena kejohanan itu, johan bagi kategori Cup bawah 21 tahun, diraih SJ18 dari Johor, manakala johan bagi kategori Cup bawah 19 tahun menjadi milik SJ20 dari Johor. Johan bagi kategori Cup bawah 17 tahun dimenangi Tumeric RC iaitu gabungan Sekolah Berasrama Penuh.



22 TAMPIN. REMBAU

SELASA 23 JANUARI 2018 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD TAMPIN REMBAU NOR AINNA HAMZAH - 019-6203738

**KVDLM tarik 50 penyertaan seluruh negara sertai kejohanan ragbi**

Tiga pasukan yang muncul johan dalam kategori Cup dipertandingkan bersama tetamu kehormat sempena Majlis Penutup Kejohanan Ragbi Rembau Super Sevens, di Padang KVDLM, kelmarin.

REMBAU - Kolej Vokasional Dato Lela Maharaja (KVDLM) berjaya menarik penyertaan 50 pasukan dari seluruh Semenanjung Malaysia sempena Kejohanan Ragbi Rembau Super Sevens, di sini, kelmarin.

Pengarah KVDLM, Minah Ahmad berkata, pihaknya meneruskan usaha yang dilakukan bekas Pengarah KVDLM, Alwi Yunos, yang sebelum ini telah menganjurkan buat pertama kalinya kejohanan ragbi pada tahun 2016.

Menurutnya, KVDLM mengambil inisiatif mengimbau kembali nostalgia daerah ini dalam ragbi dan berhasrat melahirkan pemain ragbi handalan, yang mampu diketengahkan ke peringkat lebih tinggi dari kolej vokasional berkenaan.

"Kita bertuah apabila jurulatih bagi dua pasukan ragbi sekolah ini, sanggup menawarkan khidmat sukarela dan percuma bagi mencungkil bakat sukan dalam kalangan pelajar di sini. Malah kejohanan yang dianjurkan ini juga bagi mendedahkan kepada pelajar serta komuniti setempat terhadap sukan ini.

"Bagi kejohanan kali kedua yang berlangsung selama dua hari ini, kita berjaya menarik penyertaan 50 pasukan bagi berentap dalam tiga kategori yang dipertandingkan iaitu bawah 17 tahun, bawah 19 tahun dan bawah 21 tahun," katanya sempena Majlis Penutup Kejohanan Ragbi Rembau Super Sevens, di Padang KVDLM, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Wakil Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pelajaran, Rahman Makbul; Pegawai Pelajaran Daerah Rembau, Azmi Basir; Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) KVDLM, Datuk Hanapi Daing dan Wakil Kesatuan Ragbi Negeri Sembilan, Shahrulizam Aziz dan Alwi.

Dalam pada itu, Minah berkata, dalam kejohanan berkenaan, pasukan KVDLM berjaya mendapat tempat pertama bagi kategori folk bawah 19 tahun.

Katanya, kejohanan yang mendapat kerjasama kerajaan negeri, Kesatuan Ragbi Negeri Sembilan, Majlis Sukan Negeri Sembilan dan lain-lain itu juga bagi menguji tahap kesediaan pasukan untuk Sukan Malaysia 2018.

"Kejohanan ini bakal menjadi acara dwitahunan dan kita di peringkat KVDLM berhasrat mengisi masa lapang pelajar dengan aktiviti berfaedah, selaras dengan hasrat serta matlamat BPTV KPM," katanya.

Sempena kejohanan itu, johan bagi kategori Cup bawah 21 tahun, diraih SJ18 dari Johor, manakala johan bagi kategori Cup bawah 19 tahun, menjadi milik SJ20 dari Johor.

Johan bagi kategori Cup bawah 17 tahun, dimenangi Turmeric RC iaitu gabungan Sekolah Berasrama Penuh (SBP).